

Tinggal hidup selesa untuk belajar agama

Sinar Harian
7/3/2018
ms 19

SEREMBAN - Demi mendalami ilmu agama Islam dengan lebih sempurna, seorang muallaf sanggup meninggalkan kehidupan selesa di bandar dengan datang ke Pusat Kegiatan Saudara Baru, Kompleks Al-Saadah di sini.

Dengan hanya sehelai sepinggang, Jannatul Ferdoush Silvalingan, 37, datang ke daerah ini selepas beberapa hari diberi hidayah memeluk agama Islam pada Disember tahun lalu.

Menurutnya, dia mendapat maklumat mengenai kompleks berkenaan daripada seorang ustaz di Selangor dan tanpa berfikir panjang terus datang ke sini, walaupun tidak mengenali sesiapa.

"Saya tak mahu masuk Islam hanya sekadar atas kertas saja. Saya malu jika tak pandai baca al-Quran dan solat, sedangkan saya sudah memilih agama ini.

"Sebab itu saya tinggalkan semuanya dan datang dari Selangor seorang diri ke sini (Seremban) dengan niat mahu belajar agama. Saya yakin jalan yang dipilih dan setakat ini semuanya dipermudahkan," katanya.

Dia berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Makan Malam Tahun Baharu Cina



Jannatul Ferdoush tidak pernah menyesal dengan keputusannya.

anjuran Muslim Reverts Association, Persatuan Cina Muslim Malaysia, Persatuan Ikatan Ukhwah Saudara Baru dengan kerjasama Kompleks Al-Saadah dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) di sini, kelmarin.

Menceritakan pengislamannya, Jannatul berkata, semuanya bermula selepas hidupnya diuji dengan suami yang bermasalah dan perniagaan kedai runcitnya mengalami kerugian.

Katanya, dia tidak ada sesiapa untuk mengadu sehinggalah suatu hari dia ber-

mimpi pergi ke Makkah dan merasa tenang di sana.

"Selepas beberapa hari bermimpi, saya nekad ke pejabat agama dan mengucap Syahadah. Tidak ada sesiapa yang memaksa saya, ia datang secara tiba-tiba. Saya bersyukur kerana ayah dan adik beradik tidak marah dengan keputusan ini.

"Saya tidak pernah rasa menyesal memilih Islam. Hidup saya lebih tenang sekarang walaupun saya rindu dengan anak-anak yang ditinggalkan dengan bekas suami," katanya.